

Ruj. Kami : MQA.600-1/4/26 Jld. 13 ( 11 )

Tarikh : 21 Oktober 2020

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

### **PELAKSANAAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET: PENDAFTARAN OCCUPATIONAL/INDUSTRY STANDARDS AND PRACTICES (OISP) DALAM DAFTAR OISP**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang dibangunkan secara bersama oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 30 Januari 2019. Selaras dengan pelaksanaan ini, MQA telah mengeluarkan Pekeliling MQA Bil. 10/2019 bertarikh 30 Ogos 2019 berkaitan Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA) dalam proses jaminan kualiti program TVET di Malaysia.

3. Merujuk kepada Pekeliling MQA Bil. 10/2019, COPTPA merupakan sumber rujukan utama kepada semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)/Penyedia TVET dalam membangunkan dan menawarkan program TVET di Malaysia. Justeru, PPT/Penyedia TVET perlu mematuhi ketetapan yang dinyatakan dalam COPTPA termasuk pemakaian OISP sebagai asas kepada pembangunan kurikulum program TVET. Senarai OISP yang telah mendapat pengesahan Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET boleh dirujuk dalam **Daftar OISP** pada Portal TVET di laman sesawang MQA.

4. Daftar OISP merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang dijangka dapat:

- membuka ruang yang lebih luas kepada penglibatan signifikan dan sistematik daripada pihak industri dalam melahirkan pelatih dan tenaga kerja berkemahiran dalam industri di Malaysia; dan
- menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti produk dan perkhidmatan.

5. Peneraju Industri Utama (Industry Lead Body, ILB) boleh mendaftarkan standard/amalan industri dalam Daftar OISP supaya dapat menjadi rujukan yang penting kepada PPT/Penyedia TVET dalam membangunkan kurikulum TVET yang mampu melahirkan graduan yang relevan dengan kehendak industri. Permohonan pendaftaran adalah berdasarkan kepada kategori berikut:

- i. **Kategori A:** Standard atau garis panduan/ketetapan atau yang setara yang dibangunkan oleh MQA atau JPK, badan profesional atau badan kawal selia yang ditubuh di bawah akta yang berkaitan yang memberi penekanan kepada amalan industri dan pekerjaan serta menyokong kepada pelaksanaan COPTPA; atau
- ii. **Kategori B:** Standard/amalan pekerjaan dan industri bagi bidang pekerjaan yang **belum ada** atau yang merupakan **kemaskini** kepada senarai bidang OISP dalam Daftar OISP.

6. Untuk makluman, pemohon daripada Kategori B perlu mendapatkan pengesahan daripada peneraju industri utama (Industry Lead Body, ILB) atau badan kawal selia industri berkaitan sebelum mengemukakan permohonan pendaftaran.

7. Permohonan daripada Kategori B akan dikenakan caj RM 1000. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bil. 2/2020 bertarikh 11 Ogos 2020 telah bersetuju agar 200 permohonan pertama bagi pendaftaran standard/amalan industri dalam Daftar OISP dikecualikan daripada caj tersebut bermula dari tarikh surat ini.

8. Dokumen **Prosedur Pendaftaran OISP** dan **Borang Permohonan Pendaftaran OISP** boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal TVET pada laman sesawang MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR**

s.k.:

YBhg. Tuan Haji Zaihan Bin Shukri  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)  
Tingkat 7-8, Blok D4  
Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62530 W.P. PUTRAJAYA**

## SENARAI EDARAN

1. Ketua Eksekutif  
Construction Industry Development Board (CIDB)  
CIDB Headquarters  
Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
**53000 W.P. KUALA LUMPUR**
2. Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)  
2360 Persiaran APEC  
**63000 CYBERJAYA, SELANGOR**
3. Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysian Association of Hotels (MAH)  
C5-3, Wisma MAH, Jalan Ampang Utama 1/1  
One Ampang Avenue  
**68000 AMPANG, SELANGOR**
4. Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)  
Wisma MATTA  
No 6, Jalan Metro Pudu 2  
Fraser Business Park, Off Jalan Yew  
**55100 W.P. KUALA LUMPUR**
5. Ketua Pegawai Eksekutif  
Finance Accreditation Agency (FAA)  
12-1 Level 12 Tower 3 Avenue 7  
The Horizon Ph2, Bangsar South  
No. 8, Jalan Kerinchi  
**59200 W.P. KUALA LUMPUR**
6. Pengarah  
Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)  
Aras 3, Wisma Tani  
No.28 Persiaran Perdana  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62624 W.P. PUTRAJAYA**
7. Ketua Pegawai Eksekutif  
Halal Development Corporation Berhad  
5.02 Level 5, KPMG Tower  
First Avenue, Persiaran Bandar Utama  
**47800 PETALING JAYA, SELANGOR**

8. Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd.  
Level 16, Menara Atlan  
161B, Jalan Ampang  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
9. Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysian Textile and Apparel Centre (MATAC)  
C-9-4, Megan Avenue 1  
No 189, Jalan Tun Razak  
**50400 W.P. KUALA LUMPUR**
10. Pengarah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
11. Presiden  
The Malaysian Oil & Gas Services Council (MOGSC)  
Suite 18-7, 18<sup>th</sup> Floor Wisma UOA II  
No. 21, Jalan Pinang  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
12. Ketua Pegawai Eksekutif  
CyberSecurity Malaysia  
Level 7 Tower 1, Menara Cyber Axis  
Jalan Impact  
**63000 CYBERJAYA, SELANGOR**
13. Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysia Steel Institute (MSI)  
Level 26, Menara MITI  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
Kompleks Kerajaan  
**50480 W.P. KUALA LUMPUR**
14. Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)  
Blok 2280, Jalan Usahawan 2  
**63000 CYBERJAYA, SELANGOR**
15. Presiden  
Malaysian Institute of Human Resource Management (MIHRM)  
K2 Upper Ground Floor  
Bangunan Khas, Jalan 8/1E  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**

16. Presiden  
Malaysian Society for Non Destructive Testing (MSNT)  
55, Level, 2, Jalan Kajang Impian 2/1  
Taman Kajang Impian  
**43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR**
17. Presiden  
Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)  
Unit 715 & 716, Blok A  
Tingkat 7, Kelana Business Centre  
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya  
**47301 PETALING JAYA, SELANGOR**
18. Ketua Pegawai Eksekutif  
Institute of Malaysian Plantation and Commodities (IMPAC)  
No.6 Persiaran Institusi Bandar Baru Bangi  
**43000 KAJANG, SELANGOR**
19. Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)  
Kompleks Studio Merdeka  
Jalan Hulu Kelang  
**68000 AMPANG, SELANGOR**
20. Ketua Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia  
Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 dan 34  
Lot 1001, Menara TH Perdana  
Jalan Sultan Ismail,  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**
21. Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC)  
No.2, Jalan 9/10  
Persiaran Usahawan, Seksyen 9  
**43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR**
22. Presiden  
Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA)  
37, Jalan 20/14  
Paramount Garden  
**46300 PETALING JAYA, SELANGOR**
23. *Executive Director*  
The Malaysian Water Association (MWA)  
No.24, Second Floor, Jalan Sri Hartamas 8  
Taman Sri Hartamas  
**50480 W.P. KUALA LUMPUR**

24. *General Manager*  
Malaysia Retailers Association (MRA)  
A-11-11 & A-11-12, Level 11, Tower A  
Menara UOA Bangsar, Jalan Bangsar Utama 1  
**59000 W.P. KUALA LUMPUR**
25. *General Manager*  
Malaysian Technical Standards Forum Bhd. (MTSFB)  
MCMC Centre of Excellence (CoE)  
Off Persiaran Multimedia, Jalan Impact  
**63000 CYBERJAYA, SELANGOR**
26. *Presiden*  
Association of Marine Industries of Malaysia (AMIM)  
C-G-33A, 10 Boulevard Block Camillia  
Lebuhraya SPRINT, Jalan PJU 6a/3a  
**47400 PETALING JAYA, SELANGOR**
27. *Presiden*  
Machinery and Equipment Manufacturers Association (MEMA)  
Lot 586, 2<sup>nd</sup> Mile  
Jalan Batu 3 Lama  
**41300 KLANG, SELANGOR**
28. *Presiden*  
Federation of Malaysian Freight Forwarders (FMFF)  
No. 23, Jalan Cemerlang  
**42000 PORT KLANG, SELANGOR**
29. *General Manager*  
Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI)  
Global Business & Convention centre  
Mezzanine Floor, Block A  
No. 8, Jalan 19/1, Section 19  
**46300 PETALING JAYA, SELANGOR**
30. *Ketua Pegawai Eksekutif*  
National Aerospace Industry Coordinating Office (NAICO)  
Ministry of International Trade and Industry  
Level 1, MITI Tower, No.7  
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
**50480 W.P. KUALA LUMPUR**
31. *Ketua Pengarah Laut*  
Jabatan Laut Malaysia (JLM)  
Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12  
Jalan Limbungan  
**42007 PELABUHAN KLANG, SELANGOR**